

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI MESYUARAT AGUNG PERTAMA KESATUAN
PENGHULU/PENGGAWA SEMENAN-
JUNG MALAYSIA DI KELAB SULTAN
SULAIMAN, KAMPUNG BAHARU, KUALA
LUMPUR PADA 14HB FEBRUARI, 1975

Saudara Yang Di Pertua, Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia, Datuk Harun Idris¹, Datuk Sri Kamaruddin², Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kesatuan ini kerana menjemput saya ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Pertama Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia. Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dapat berhadapan dengan saudara-saudara semua yang mewakili satu kumpulan yang mempunyai tanggungjawab yang besar di negara-negara ini. Ikrar taat setia kepada Kerajaan saya sangat junjung tinggi dan ucapkan terima kasih.

Saudara-saudara sekalian,

Penghulu-penghulu adalah satu kumpulan pemimpin (leadership group) yang besar peranannya dalam masyarakat Malaysia dari semenjak pemerintahan Raja-raja Melayu zaman berzaman. Seperti saudara Yang Di Pertua Kesatuan sebutkan tadi penghulu-penghulu sudah zaman berzaman menjadi orang perantaraan antara rakyat dengan Kerajaan. Penghulu-penghulu di mana-mana negeri pun dahulunya dilantik oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Raja dengan tujuan memimpin anak buahnya dalam masalah-masalah kehidupan harian terutamanya dalam urusan-urusan berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan. Dan penghulu-penghulu adalah menjadi penaung kepada anak-anak buah mereka. Penghulu-penghulu adalah tem-

1 Menteri Besar Selangor.

2 Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

pat rakyat bertumpu, terutama sekali bagi masyarakat luar bandar, untuk memohon sesuatu atau mendapatkan penjelasan mengenai dasar dan peraturan daripada pihak Kerajaan.

Sebagai wakil Kerajaan, Penghulu-penghulu dikehendaki menjalankan berbagai tugas untuk melicinkan pentadbiran negara. Pendek kata, penghulu-penghulu sesungguhnya mempunyai peranan penting dalam masyarakat Malaysia samada di kalangan rakyat mahupun dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Penghulu-penghulu sama-sama bertanggungjawab mencepat ataupun melambatkan pembangunan negara.

Kerana itulah Kerajaan sangat menghargai peranan yang telah dimainkan oleh penghulu-penghulu dan sentiasa menjaga kebajikan mereka. Dalam ucapan Saudara Yang Di Pertua tadi, ada menyebutkan beberapa masaalah berkenaan sekim perkhidmatan penghulu di negara kita ini. Seperti yang telah saya sebutkan iaitu pihak Kerajaan memang sedar peri luas dan menyeluruh perkhidmatan yang dijalankan oleh penghulu-penghulu terutama dari segi memberikan syor-syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian diubahsuaikan khasnya supaya penghulu-penghulu tingkatan tinggi mendapat gaji yang lebih seimbang lagi.

Memanglah tidak dapat bagi pihak Kerajaan hendak mempersetujui semua tuntutan yang telah dikemukakan bukan saja dari pihak penghulu-penghulu tetapi juga lain-lain cabang perkhidmatan Kerajaan tetapi Kerajaan sedang menimbangkan segala perkara yang masih kurang memuaskan supaya perkara-perkara tersebut diperbaiki. Kerajaan telah menerima syor-syor Suruhanjaya Suffian dengan sepenuhnya, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Gaji baru yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ibrahim Ali bagi mengimbangkan perkara-perkara yang kurang memuaskan yang terdapat dalam laporan-laporan Suruhanjaya-suruhanjaya Suffian, Aziz dan Harun. Saya harap dengan penjelasan ini, saudara-saudara sekalian dapat mententeramkan perasaan kerana adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk bersifat adil dan menjaga kepentingan semua pihak.

Oleh itu saya berharap Kesatuan Penghulu-penghulu ini selain dari memperjuangkan kebajikan ahli-ahli juga akan merupakan satu institusi yang boleh memberikan pandangan dan cadangan-cadangan bernas kepada Kerajaan. Saya harap Kesatuan ini boleh



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein setibanya di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur untuk merasmikan pembukaan Mesyuarat Tahunan Yang Pertama Persatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia pada 14hb Februari, 1975.

memberikan maklumat balek (feedback) tentang sambutan rakyat terhadap rancangan-rancangan pembangunan.

Bagi maksud tersebut, cuba kita tinjau akan peranan utama yang perlu dimainkan oleh penghulu-penghulu dalam usaha kita membangun pada zaman kemerdekaan Negara kita ini.

Sepertimana yang selalu saya tegaskan, pembangunan sesebuah negara adalah usaha bersama antara pihak Kerajaan dengan rakyat. Kerajaan bertanggungjawab menyusun rancangan-rancangan yang berfaedah serta memberikan pimpinan dan bantuan yang perlu. Rakyat pula bertanggungjawab memberikan kerjasama melibatkan diri berserta dalam rancangan-rancangan yang telah disusun. Gembelangan usaha antara dua pihak ini amatlah mustahak.

Untuk mencapai tujuan ini maka peranan orang-orang tengah yang menghubungkan dua pihak tersebut menjadi bertambah penting. Selain dari wakil-wakil yang dipilih, penghulu-penghulu bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan Kampung inilah yang menjadi badan penghubung yang penting. Mereka kesemuanya merupakan kepimpinan tempatan yang benar-benar menyuarakan pandangan-pandangan rakyat. Oleh yang demikian, saya harap penghulu-penghulu akan mendampingi diri dengan lebih rapat lagi dengan anak-anak buah mereka dalam mukim masing-masing. Fahamilah akan masalah-masalah rakyat, timbangkannya dengan saksama dari segi keseluruhan rancangan pembangunan negara dan ambillah tindakan mengikut saluran-saluran rasmi yang saudara-saudara fikir berkesan.

Sepertimana saya katakan sebentar tadi, penghulu-penghulu adalah wakil Kerajaan. Perkhidmatan yang saudara-saudara beri sudah tentu adalah untuk kebajikan dan faedah rakyat. Oleh itu, saya harap adanya kerjasama yang erat antara penghulu-penghulu dengan wakil-wakil rakyat. Saudara-saudara hendaklah mengangap mereka sebagai rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha untuk kebajikan rakyat dan negara. Urusan saudara-saudara akan dapat dijalankan dengan lebih licin dan cepat lagi jika ada kerjasama dengan semua pihak yang terlibat.

Sebagai penghulu, saudara-saudara mestilah melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam rancangan pembangunan masyarakat

seperti Gerakan Pembaharuan dan Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya yang dilancarkan tidak lama dahulu. Saudara-saudara hendaklah memahami betul akan tujuan dan maksud serta strategi-strategi dan projek-projek dalam rancangan-rancangan ini.

Sebagai contoh, saya ingin menegaskan di sini bahawa matlamat utama Rancangan Buku Hijau ialah hendak menggalakan rakyat bercucuk tanam dan berternak supaya mengeluarkan barang-barang makanan cukup untuk kegunaan keluarga sendiri. Tujuan Kerajaan ialah supaya setiap keluarga terutama sekali yang duduk di luar bandar dan seberapa boleh mereka-mereka yang duduk di bandar dapat mengeluarkan barang-barang keperluan dengan usahanya dan tenaga sendiri dan dengan itu dapat meringankan tekanan inflasi dengan cara tidak payah membeli barang-barang makanan seperti sayur-sayuran, ayam itik dan telur. Dengan ini dapatlah wang pendapatan itu dijimatkan untuk samada disimpan atau digunakan untuk membeli keperluan yang lain.

Sikap berdikari dan berusaha mengatasi masalah ekonomi inilah yang hendak digalakkan di kalangan rakyat. Adalah aneh dan ganjil jika negara kita yang subur buminya dan baik iklimnya menghadapi masalah kekurangan makanan dan kebuluran. Kepada mereka yang suka hendak menumpukan sepenuh usahanya dalam lapangan pertanian, Kerajaan adalah menggalakan mereka menambahkan lagi pengeluaran dengan cara bercucuk tanam dan berternak dengan cara lebih moden dan dengan itu akan dapat hasil yang berlebihan. Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan atau menghapuskan sama sekali impot barang-barang makanan yang berjumlah berjuta-juta ringgit pada setiap tahun. Dengan cara ini juga kita berharap akan dapat menolong membantu dunia amnya menghadapi masalah kebuluran. Masalah kebuluran dalam dunia semakin meningkat dan bertambah rumit dan memerlukan kerjasama daripada semua negara untuk mengatasinya.

Dan lagi dengan cara yang demikian, kita dapat menggunakan hasil pertanian sebagai satu sumber untuk meninggikan pendapatan rakyat. Ini adalah satu daripada matlamat Rancangan Buku Hijau yang telahpun dinyatakan. Kita mahu menjadi negara yang mengekspot bukan mengimpot barang-barang makanan. Apabila kita ke tingkatan ini, kita haruslah menimbangkan soal pemasaran bahan-bahan pertanian, terutamanya jenis sayur-sayuran yang cepat rosak itu. Keseluruhan sistem pemasaran

sedang diperkemas. Pihak FAMA dengan kerjasama agensi-agensinya pertanian yang lain di bawah kelolaan Urusetia Pusat memberikan perhatian khas tentang masalah ini. Saudara-saudara sebagai penghulu mestilah mengikuti rapat mesyuarat-mesyuarat dan keputusan-keputusan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan selanjutnya memberikan panduan yang wajar kepada rakyat. Panduan tentang jenis-jenis tanaman dan cara menanam yang wajar hendaklah diberi kepada rakyat.

Daripada contoh tadi, jelaslah sudah bahawa penghulu-penghulu mestilah mempunyai pengetahuan yang cukup bukan saja mengenai dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara tetapi juga mengetahui bagaimana projek-projek dapat dijalankan. Penghulu-penghulu juga seharusnya boleh membantu menentukan projek mana yang sesuai dan projek mana yang tidak sesuai bagi anak-anak buahnya di berbagai-bagai kampung dalam sesuatu mukim.

Untuk mendapatkan pengetahuan yang lengkap sepertimana yang dikehendaki itu, penghulu-penghulu mestilah sentiasa mengikuti perkembangan dasar dan rancangan-rancangan baru Kerajaan. Dalam masa pembangunan yang giat dijalankan oleh Kerajaan hari ini, ada kemungkinan penghulu-penghulu tidak dapat memahami perubahan-perubahan yang pesat itu, yakni dari segi mengetahui maklumat-maklumat yang penting berkaitan dengan rancangan-rancangan pembangunan. Sekiranya hal ini dirasakan, penghulu-penghulu yang berkenaan haruslah maju ke hadapan dan berterus terang menyatakannya kepada Pegawai-pegawai Daerah supaya kursus-kursus yang sesuai dapat disusun untuk mereka. Tindakan hanya boleh diambil dengan adanya pengetahuan yang sempurna. Kita haruslah sentiasa melengkapkan diri dengan perkembangan negara supaya selaras dengan cita-cita hendak membina satu masyarakat Malaysia yang progresif dan adil sebagaimana yang dinyatakan dalam Rukun Negara.

Saudara-saudara sekalian,

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh Negara kita dalam masa inflasi dan ketegangan ekonomi ini ialah adanya anasir-anasir jahat dan anti-nasional yang cuba menanggung di air yang keruh. Mereka akan mengambil kesempatan pada apa-apa jua isu yang boleh diperbesarkan untuk memburuk dan menjatuhkan imej

Kerajaan. Saya harap penghulu-penghulu akan berwaspada dan berusaha mengatasi masalah ini dengan cara menjalankan tugas masing-masing dengan baik. Sekiranya pimpinan dan bimbingan yang saudara-saudara berikan jujur dan berkesan bagi faedah rakyat serta negara, saya pasti musuh-musuh dalam selimut tidak akan dapat peluang mengelirukan rakyat sesuka hati mereka. Soal keselamatan negara adalah sebahagian penting daripada pembangunan. Kita mestilah mengambil berat akan hal ini demi kemajuan dan perpaduan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Berasaskan kepada beberapa pandangan yang saya sebutkan tadi, saya berharap Kesatuan Penghulu-penghulu akan membuat rancangan-rancangan tindakan yang sesuai dan baik supaya ahli-ahlinya dapat menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan lagi. Sebagaimana saya katakan pada awal ucapan saya tadi, penghulu-penghulu merupakan kumpulan kepimpinan (leadership group) yang telahpun dan boleh teruskan memberikan sumbangan yang besar kepada negara.

Dengan harapan itulah, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Mesyuarat Agung Pertama Kesatuan Penghulu-penghulu ini dan mendoakan semoga Mesyuarat Agung ini akan berjalan dengan penuh kejayaan dan semoga kita semua sentiasa dalam peliharaan Allah.